

03/11/2001

`Pelaksanaan sekolah bestari lancar`

Seri Intan Othman

PELAKSANAAN projek sekolah bestari membabitkan 90 sekolah di seluruh negara berjalan mengikut jadual dan akan beroperasi sepenuhnya seperti dijadualkan, menjelang September 2002.

Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Smart School (TSS), Mustopha Ahmed, berkata tidak ada sebarang kelewatan berlaku sepertimana dilaporkan oleh media baru-baru ini, malah semua yang dirancang berjalan lancar.

Katanya, ketika ini pembangunan bahan pengajaran sudah siap 60 peratus dan pemasangan lain sedang giat dilakukan di 90 sekolah terbabit.

Sementara itu, pembangunan sistem pengurusan sekolah berkenaan, sudah siap 80 peratus, manakala pemasangan infrastruktur teknologi seperti meja bantuan, pusat data dan khidmat sokongan sudah siap sepenuhnya.

"Perkembangan integrasi sistem pula kini sudah di tahap 90 peratus dan pengurusan serta proses urus niaga pengendalian semula juga siap 90 peratus," katanya pada majlis taklimat media di pejabatnya, di Bukit Damansara, baru-baru ini.

Hadir sama di majlis itu, Ketua Unit Komunikasi Pasukan Projek Rintis Sekolah Bestari, Chan Foong Mae dan Ketua unit berkenaan, Banard Lau.

Sehubungan itu, beliau berkata adalah tidak wajar mana-mana pihak mengatakan sekolah bestari gagal beroperasi, sedangkan proses untuk melaksanakan projek itu sedang berjalan lancar.

"Pihak kami yakin tidak menghadapi sebarang masalah bagi menyiapkannya malah bukan sahaja mengikut jadual tetapi lebih cepat daripada jangkaan. Menjelang Julai 2002, semua bahan pengajaran dan pembelajaran akan siap 70 peratus dan sistem pengurusan pula siap sepenuhnya.

"Ini bermakna, menjelang September 2002 bahan pengajaran akan siap seratus peratus dan projek itu berjalan lancar sebagaimana yang dijadualkan," katanya.

Sementara itu, Chan berkata masalah kecil hanya berlaku disebabkan wujudnya sikap guru dan guru besar yang kurang faham dengan projek berkenaan malah ada yang mempertikai sejauh mana keberkesanan projek itu berbanding sistem pendidikan yang diamalkan sekarang.

Bagaimanapun, katanya semua masalah itu dapat diatasi menerusi perbincangan.

Katanya, pemasangan peralatan teknologi sekolah bestari dibuat berdasarkan tiga kategori iaitu A bagi sembilan sekolah yang dipasang komputer di makmal, kelas dan bilik guru contohnya tiga Sekolah Bestari Putrajaya yang dilengkapi 500 komputer.

Manakala kategori B+ bagi dua sekolah dipasang komputer di makmal dan bilik darjah sementara kategori C di 79 sekolah yang hanya dipasang komputer di makmal.

Beliau berkata, projek printis berkenaan membabitkan kos perbelanjaan RM300 juta, bagaimanapun menerusi Belanjawan 2002, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengumumkan pertambahan RM70 juta lagi bagi projek itu, di samping RM240 juta bagi pemasangan komputer di 2,000 sekolah di seluruh negara.

Walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu ketika ini, katanya projek berkenaan tetap diteruskan selari dengan kedudukannya sebagai sebahagian daripada projek Koridoraya Multimedia.

"Kami terpaksa menyediakan bahan pembelajaran dan pendidikan bermula dari kosong kerana kami tidak meniru atau meniplak mana-mana bahan daripada pihak lain, ini satu kerja yang rumit serta memerlukan penelitian

rapi," katanya.

(END)